

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 29 OKTOBER 2019 | SELASA
DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

SOALAN

DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan statistik terkini jumlah jemaah haji yang masih menunggu giliran untuk mengerjakan ibadat haji bagi pertama kali mengikut umur terutamanya bagi mereka yang berusia 50 tahun dan ke atas.

JAWAPAN : (MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 30 September 2019, bakal jemaah haji yang telah mendaftar dan sedang menunggu giliran untuk menunaikan haji berjumlah lebih daripada 3.29 juta orang. Daripada jumlah tersebut, mereka yang belum pernah menunaikan haji adalah 3.13 juta orang (95%).

Daripada jumlah keseluruhan (3.29 juta orang), seramai 771,849 orang (23.5%) adalah bakal haji yang berumur 50 tahun dan ke atas. Daripada bilangan tersebut, mereka yang belum pernah menunaikan haji adalah seramai 636,950 orang (82.5%).

Sekian. Terima kasih.